

**BN tak ambil peluang krisis Pakatan di Permatang Pauh, kata Zahid**  
**The Malaysian Insider**  
**April 21, 2015**

Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi menegaskan Barisan Nasional (BN) tidak akan menjadikan krisis Pakatan Rakyat (PR) di Pilihan Raya Kecil (PRK) Permatang Pauh sebagai peluang meraih kepentingan politik.

Naib presiden Umno itu berkata, BN akan bekerja keras bagi mendapat kemenangan dalam PRK itu tanpa mengheret masalah dalaman PR sebagai batu loncatan kemenangan parti pemerintah itu.

"Saya sebagai pengarah (PRK) BN di Permatang Pauh, bagi saya permasalahan pihak lawan tidak termasuk dalam perkiraan dan perhitungan parti.

"Soal pergolakan atau perlawanan parti politik dalam pakatan pembangkang, itu masalah mereka dan kami tidak ambil fikiran itu sebagai keuntungan politik," katanya seperti dilaporkan Utusan Malaysia hari ini.

Zahid (gambar, kanan) berkata, BN perlu bekerja keras memenangi PRK berkenaan kerana kemenangan tidak dapat dipastikan jika berlaku perpecahan dalam parti komponen BN.

"Kita harus kerja dengan serius, kuat tetapi dengan kebijaksanaan dalam meraih kemenangan.

"Kalah dalam tangan, menang belum tentu tetapi yang penting BN harus memperlihatkan kesepaduan jentera dalam kalangan parti komponen," katanya seperti dilaporkan akhbar itu.

Semalam, Setiausaha Agung PAS Datuk Mustafa Ali mengingatkan keputusan parti di peringkat pusat untuk menyokong calon PKR di Permatang Pauh adalah yang tertinggi mengatasi keputusan yang dibuat di peringkat kawasan.

Katanya, PAS Permatang Pauh berhak mengemukakan resolusi mereka sendiri kerana keputusan PAS Pusat yang akan terpakai dalam menggerakkan hala tuju parti.

"Apa yang berlaku dalam mesyuarat itu hak kawasan masing-masing tetapi dari segi perjalanan apa jua keputusan PAS Pusat mengatasi keputusan kawasan atau pun lebih bawah daripada PAS Pusat.

"PAS Pusat mengambil keputusan dalam mesyuaratnya menyokong calon yang bertanding di Permatang Pauh oleh PKR, sebagaimana juga di Rompin, dulu PAS bertanding maka PAS yang disokong bersama," katanya.

Mustafa berkata demikian selepas mesyuarat setiausaha PR di ibu pejabat PKR di Petaling Jaya.

Beliau diminta mengulas keputusan PAS Permatang Pauh memberi kata dua kepada PKR supaya memohon maaf di atas kenyataan tidak menyokong rang undang-undang persendirian berkaitan hudud jika mahu sokongan pada PRK Permatang Pauh.

Yang Dipertua PAS Permatang Pauh, Omar Hassan memberi tempoh sehingga hari penamaan calon, 25 April ini, sambil menuntut PKR memohon maaf secara terbuka berhubung isu itu.

"Jika bersetuju (dengan syarat yang diberikan) maka kami PAS Kawasan Permatang Pauh akan meneruskan kerjasama PAS-PKR dalam pilihan raya kecil ini.

"Pendirian ini adalah keputusan yang dibuat dan disepakati dalam mesyuarat agung PAS kawasan kali ke-38 hari ini.

"Jika mereka masih berkeras tidak mahu menarik balik kenyataan itu kita tengoklah macam mana nanti," katanya seperti dilaporkan Bernama. – 21 April, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-tak-ambil-peluang-krisis-pa-katan-di-permatang-pauh-kata-zahid>